

24/04/2002

Korea Selatan jadikan Malaysia model urus wang

KOREA Selatan yang menjadi satu daripada dua negara model Dasar Pandang Ke Timur sebaliknya mahu menjadikan Malaysia sebagai contoh dalam pengurusan kewangan negara, menerusi apa yang akan dikenali sebagai Dasar Pandang Ke Selatan.

Duta Besarnya ke sini, Rhee Young Min, berkata republik itu mahu mempelajari pengalaman dan pendekatan Malaysia menangani krisis ekonomi pada 1997 lalu yang menyebabkan ekonomi Korea Selatan tenat sehingga terpaksa meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Katanya, Korea Selatan mengagumi keupayaan Malaysia menangani krisis ekonomi itu dengan cara tersendiri serta kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berjaya menyelamatkan ekonomi negara.

"Saya akan mencadangkan kepada kerajaan saya supaya menghantar pegawai kewangan dan perkhidmatan awam ke sini bagi mempelajari cara Malaysia menangani krisis ekonomi dulu.

"Saya akan menekankan perkara ini dan akan mencadangkan supaya Korea Selatan mengadakan Dasar Pandang Ke Selatan," katanya kepada pemberita selepas perasmian persidangan itu oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Rhee adalah antara pembentang pada persidangan dua hari itu.

Mengenai Dasar Pandang Ke Timur, Rhee berkata dasar itu masih relevan kepada Malaysia dan boleh dipertingkatkan dengan mempelbagaikan program sedia ada.

Katanya, Korea Selatan mempunyai banyak kepakaran dan pengalaman untuk dikongsi bersama dengan Malaysia, khususnya dalam pemindahan teknologi pembuatan.

"Syarikat gergasi Korea seperti Samsung, Hyundai dan Kia boleh memindahkan teknologi mereka kepada syarikat Malaysia," katanya sambil menambah syarikat berkenaan masih antara pesaing utama di dunia walaupun terjejas teruk ketika krisis ekonomi dulu.

Dalam kertas kerjanya, Rhee berkata Dasar Pandang Ke Timur yang banyak membantu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia sewajarnya dilaksanakan secara dua hala, berbanding satu hala sekarang.

Katanya, ini kerana Korea Selatan juga ingin memanfaatkan kerjasama yang sudah lama terjalin antara kedua-dua negara untuk berkongsi dan bertukar pengalaman serta nilai positif.

"Saya harap Malaysia akan mempertimbangkan program pendidikan dan kebudayaan untuk rakyat Korea. Saya akan menamakannya 'Dasar Pandang Ke Selatan' kerana rakyat Korea juga mahu mendapatkan nilai positif daripada model Malaysia," katanya.

Rhee juga berkata, Dasar Pandang Ke Timur sewajarnya dijadikan pemangkin kepada kerjasama lebih mantap antara negara negara Asia Timur.

Katanya, globalisasi dan peningkatan kebergantungan antara negara memberi cabaran dan peluang baru kepada kerjasama serantau.

"Program kerja sama akan membolehkan negara Asia Timur menghadapi cabaran semasa," katanya.

Terdahulu, dalam ucapan aluannya, beliau menggesa Malaysia memberi tumpuan yang sama kepada Korea Selatan seperti mana yang diberikan kepada Jepun dalam pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur.

Katanya, Korea Selatan juga mempunyai kepakaran dan institusi pendidikan yang boleh dimanfaatkan rakyat Malaysia.

"Saya harap Malaysia akan menghantar lebih ramai pelajar dan pegawainya

melanjutkan pelajaran di Korea Selatan," katanya.
(END)